

25 DEC 2001

Ling-Calon

SENARAI CALON INDERA KAYANGAN DIKEMUKAKAN KEPADA PM

PULAU PINANG, 25 Dis (Bernama) -- MCA akan mengemukakan empat nama sebagai calon pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan, Perlis kepada Perdana Menteri dalam tempoh beberapa hari lagi.

Presidennya Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata pemilihan calon yang akan mewakili Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil itu akan dibuat oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi BN.

Katanya, anggota-anggota MCA terutama di Perlis telah menyatakan sokongan kepada sesiapa sahaja yang dipilih oleh Perdana Menteri sebagai calon untuk kerusi itu.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata demikian kepada pemberita selepas memberi taklimat mengenai perkembangan semasa parti kepada para pemimpin MCA Pulau Pinang di sini hari ini.

Pilihan raya kecil itu akan diadakan ekoran kematian wakilnya Datuk Khor Liang Tee pada 19 Dis lepas.

Mengenai persiapan MCA bagi menghadapi pilihan raya itu, beliau berkata semua pemimpin MCA akan bersatu bagi memastikan kemenangan calon BN.

"Calon MCA hanya seorang sahaja dan kita akan pastikan semua pemimpin bersatu padu untuk kemenangan BN di Perlis," katanya.

Merujuk kepada kewujudan dua kumpulan bertentangan yang dikenali sebagai kumpulan A dan B dalam parti itu, Dr Ling berkata semua pihak telah menyatakan kesediaan untuk menumpukan perhatian kepada kempen pilihan raya kecil itu dan mengetepikan perbezaan pendapat masing-masing.

Pada perkembangan lain, Dr Ling berkata penggantungan jawatankuasa pusat Pergerakan Pemuda MCA tidak melibatkan jentera Pemuda di peringkat negeri, bahagian dan cawangan.

"99.9 peratus aktiviti Pemuda MCA boleh dijalankan kecuali yang melibatkan peringkat tertinggi, yang kini diambil alih oleh sebuah jawatankuasa khas terdiri daripada tiga anggota veteran," katanya.

-- BERNAMA

ZU MOZ